

11/10/2000

Adnan pelopor dasar mesra rakyat

Shariffudin Mohamed

DESAS-desus mengatakan Datuk Seri Adnan Yaakob akan meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar baru-baru ini sebenarnya memberi manfaat kepada beliau kerana dilantik semula menjadi Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang.

Kini, kemudi kembali semula ke tangannya untuk membawa Pahang, khasnya Umno negeri ke mercu kejayaan.

Jika dilihat dengan gaya percakapan dan ucapannya pada masa ini, Adnan sudah yakin dengan dirinya sendiri untuk memegang kedua-dua jawatan Menteri Besar dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

Tambahan pula, orang tertentu yang dikatakan cuba menyebarkan desas-desus itu mula kehilangan taring.

Dengan ini, kedudukan Adnan bertambah kukuh, lebih-lebih lagi dikelilingi beberapa ketua bahagian berpengaruh, seperti Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, Datuk Sabbaruddin Chik dan Datuk Fauzi Abdul Rahman.

Barisan Exconya pula tidak berbelah bagi memberi sokongan padu kepada Adnan untuk menerajui kerajaan negeri dan Umno Pahang.

Tidak dinafikan Adnan belum lagi menjana dasar tertentu bagi menyemarakkan pertumbuhan ekonomi negeri sejak menjadi Menteri Besar lebih setahun lalu tetapi itu bukan satu masalah.

Mungkin terlalu awal baginya untuk merangka dasar baru kerana beliau perlu mengemaskinikan dasar sedia ada bagi memantapkan jentera kerajaan supaya tidak menanggung masalah pada masa depan.

Sebab itulah, Adnan mengambil langkah menyusun semula agensi kerajaan negeri dan anak syarikat masing-masing yang belum selesai pelaksanaannya sehingga sekarang.

Apa yang jelas, sejak menjadi Menteri Besar, Adnan sering memupuk dasar kerajaan yang mesra rakyat.

Ini selaras dengan penubuhan tabung khas di bawah Pejabat Menteri Besar bagi memberi bantuan kepada golongan kurang bernasib baik, termasuk ibu tunggal dan anak yatim piatu yang tidak mendapat bantuan daripada mana-mana agensi kerajaan.

Tidak keterlaluan dijelaskan bahawa Adnan adalah satu daripada Menteri Besar yang awal-awal memperkenalkan dasar mesra rakyat selepas pilihan raya umum November tahun lalu.

Beliau tidak jemu-jemu mengatakan hal itu dalam ucapannya di pelosok bandar dan kampung, sama ada dalam majlis kerajaan dan sektor swasta bagi menarik semula sokongan orang Melayu terhadap kerajaan dan Umno.

Ucapan Adnan memang mudah difahami kerana beliau suka berterus terang bagi menyampaikan apa yang tersirat di sanubarinya.

Kebanyakan majlis yang dirasmikannya, Adnan tidak lupa mengingatkan pendengarnya kenapa Umno perlu terus mendapat sokongan orang Melayu selain meminta mereka menolak kempen kebencian pembangkang terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, tiada parti yang mampu mengangkat martabat orang Melayu selain Umno.

Beliau berkata, kenapa pula Dr Mahathir dibenci sedangkan beliau banyak membawa perubahan dan berjasa kepada negara sehingga dihormati pemimpin seluruh dunia.

"Cuba bayangkan jika Dr Mahathir tidak mengambil langkah drastik untuk melaksanakan kawalan modal bagi mengatasi kegawatan ekonomi yang melanda

negara pada tahun 1997.

"Negara sudah tentu melarat dan mengalami penderitaan seperti sebuah negara lain yang dikawal politiknya oleh orang asing," katanya.

Justeru, kata beliau, orang Melayu sewajarnya mengekalkan perpaduan dan jangan berpecah belah kerana boleh mendatangkan kerugian kepada orang Melayu sendiri pada masa depan.

(END)